



Jadi anda dipelawa ...

Melalui penerangan ringkas ini, kami menjemput anda dengan mesra untuk meneliti Kepercayaan Baha'i bagi diri anda dan keluarga anda serta mempertimbang bahagian yang anda boleh sumbangkan dalam programnya. Baha'ullah berkata bahawa penemuan revelasi Tuhan adalah satu hal mengakui yang sudah disedari di dalam diri seseorang. Dalam hati kita, kebanyakan daripada kita sudah mengetahui bahawa manusia adalah satu, wanita dan lelaki adalah sama, utusan spiritual kesemua agama agung yang lalu adalah pada dasarnya sama, bahawa hak asasi manusia adalah sejagat, dan bahawa negara-negara harus menerima idea kerajaan dunia dan satu ekonomi global, tidak lamà lagi. Kami juga tahu ada kehidupan yang lebih baik daripada kewujudan fizikal ini. Ketika dalam saat-saat bahagia, kita sedar bahawa hidup kita bukan sekadar beberapa tahun di muka bumi ini sahaja

Yang terbaru adalah bahawa terdapat satu Kepercayaan yang mengajar kesemua perkara tersebut, bahawa terdapat satu komuniti sedunia yang sedang dalam pembinaan berdasarkan ajaran-ajarannya, dan bahawa terdapat tempat bagi mereka yang menginginkannya.

"Tidak ada sebarang keraguan apa jua bahawa rakyat dunia, dari apa jua ras atau agama, memperoleh ilham mereka dan satu Runca syurgawi, dan rakyat satu Tuhan. Perbezaan antara ajaran-ajaran yang mereka patuhi haruslah dikaitkan kepada keperluan yang berbeza-beza menurut zaman agama tersebut direvelasikan. Kesemuanya, kecuali beberapa yang menjadi hasil bantahan manusia, telah diperintahkan oleh Tuhan, dan merupakan bayangan Kehendak dan Tujuan-Nya. Bangkitlah, dan bersenjatakan kuasa keimanan, hancurkan tahanan imaginasi sia-sia kau, penyebab perbalahan di kalangan kau. Berpautlah pada yang menarik kau bersama dan menyatukan kau."

"Agama haruslah menyatupadukan semua jiwa dan menyebabkan peperangan dan perbalahan lenyap daripada muka bumi, melahirkan kerohanian, dan membawa rywawa dan kegirangan kepada setiap jiwa. Jika agama menjadi punca kebencian, dendam, pemisahan ... menarik diri dari agama sempama itu merupakan satu tindakan suci. Jelas bahawa tujuan rawatan adalah untuk memulihkan ... Kesemua Pesuruh Tuhan menjadi tabib kepada atma; Mereka memberi preskripsi bagi kesembuhan manusia; dengan demikian apa sahaja rawatan yang menyebabkan penyakit tidak datang dari Tabib maha agung dan maha mulia."

Dari Tulisan-Tulisan Suci Baha'i


Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di alamat yang tercatat di bawah:

Bahá'í House of
Worship
100 Linden Avenue
Wilmette, IL 60091
(847) 853-2300

atau tulis kepada:

The Spiritual Assembly of
the Baha'is of Malaysia
4, Lorong Titi Wangsa,
5, Setapak,
53200 Kuala Lumpur,
Malaysia.


MALAYSIAN



BAHA'I

Mungkin anda pernah
mendengar perkataan
Baha'i...

Ramai sudah tahu siapa orang Baha'i. Media massa pun telah memberi fokus ke atas kaum Baha'i. Mungkin anda mengenali seorang Baha'i, atau jiran anda mungkin seorang Baha'i. Atau mungkin anda pernah lihat satu poster atau iklan yang menerangkan betapa pentingnya kesatuan umat manusia.



Siapakah kami?

Orang-orang Bahai adalah ahli komuniti dunia yang terdapat di kira-kira 200 buah negara dan wilayah utama bumi sejak satu abad lalu. Kami berasal daripada pelbagai keturunan, budaya, agama dan kelas sosial. Setengah-tengah daripada kami berpendidikan tinggi manakala yang lain buta huruf. Bagi kami, umat manusia adalah satu ras tunggal dan kini sudah tiba masa bagi umat manusia menjadi satu keluarga untuk mendiami bumi yang luas dan tunggal ini.

Kami percaya bahawa proses menyatupadukan keluarga manusia menjadi kehendak Tuhan dalam era sejarah kita ini. Proses tersebut pada akhirnya akan tamat dengan kewujudan satu kerajaan sedunia dan peradaban dunia yang baru.

Apakah yang kami lakukan?

Kami cuba berusaha ke arah proses penyatuan ini dalam apa jua cara yang mungkin. Di tempat tinggal anda, mungkin anda mendapati orang-orang Bahai melibatkan diri dalam aktiviti antaragama atau dalam kegiatan aneka budaya, melibatkan diri dalam kumpulan yang membincangkan kesamarataan hak antara lelaki dan perempuan, mengelolakan kelas agama komparatif atau mengadakan acara bagi mereka yang berminat untuk mengetahui tentang agama kami. Di bahagian-bahagian dunia lain, kami menganjurkan projek-projek kemajuan sosio-ekonomi atau bekerjasama dengan badan PBB dan agensi-agensinya dalam projek-projek tersebut.

Bagaimana komuniti Bahai berfungsi?

Sebagai individu dan kumpulan, kami sedang berusaha untuk mempelajari seni fikir bagi diri kita sendiri. Kini terdapat lebih daripada 100,000 komuniti Bahai, besar dan kecil di seluruh dunia, yang

sedang melatih diri mereka dalam cara baru untuk membuat keputusan yang bukan berdasarkan kuasa tetapi berdasarkan perundingan mengikut prinsip-prinsip Bahai. Sebagai individu, kami akan cuba sedaya upaya untuk mengembangkan kemampuan peribadi kami yakni spiritual, fizikal dan intelek supaya kita dapat memberi sumbangan yang lebih baik kepada kesejahteraan komuniti dan dunia kita.

Hal ehwal komuniti diuruskan oleh institusi yang dilantik secara demokratik oleh semua ahli. Tidak ada sistem paderi dalam Kepercayaan Bahai.

Dua prinsip Bahai yang penting memberi sumbangan untuk melindungi integriti persfahaman di seluruh dunia. Meskipun terlibat secara giat dalam proses perubahan sosial, orang Bahai tidak mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang bentuk parti politik. Kami juga tidak memohon atau menerima bantuan kewangan daripada orang ramai; segala kegiatan kami dibiayai oleh sumbangan ikhlas kaum Bahai.

Apakah sumber kepercayaan kami?

Sumber kesatuan dan alasan kami untuk menjadi optimistik tentang masa depan sesungguhnya merupakan konsep baru mengenai campur tangan Tuhan dalam hal ehwal manusia. Kuasa penggerak yang utama bagi evolusi sosial dan moral ras manusia adalah campur tangan Tuhan dengan jayanya dalam sejarah. Pesuruh-pesuruh Tuhan yang dianggap secara tradisi sebagai pengasas agama-agama yang berlainan seperti Musa, Yesus, Buddha dan Krishna, misalnya dilihat oleh orang-orang Bahai sebagai satu dalam tujuan dan jiwa.

Ketika ajaran-ajaran mereka telah tersebar di merata-rata dunia, bakat-bakat baru ditemui apabila berjuta-juta orang menyahut ajaran-

ajarannya. Peradaban telah diatur menurut pandangan-pandang baru ini. Misalnya, ajaran Yesus mengenai cinta pada jiran telah melahirkan konsep kebajikan yang merupakan salah satu sumbangan terbesar peradaban Kristian. Utusan Buddha mengenai keamanan telah memberi kesan bukan saja kepada berjuta-juta pengikutnya malah kepada masyarakat yang dilahirkannya. Begitu pula pengaruh kebenaran bagi agama-agama agung yang lain, seperti Hindu, Zoroaster, Islam, Yahudi dan yang terawal darinya.

Hari ini, orang-orang Bahai percaya bahawa Tuhan sudah bersuara sekali lagi. Oleh sebab dunia kita berada dalam proses menjadi satu "perkampungan sedunia", maka Tuhan telah memberikan ajaran-ajaran-Nya untuk membolehkan manusia menghadapi cabaran moral dan sosial yang tak terduga yang kita hadapi sekarang. Pesuruh Tuhan zaman ini adalah Baha'ullah, pengasas Agama Bahai yang lahir di Parsi dan hidup antara tahun 1817 dan 1892.

Bagaimanakah sambutan terhadapnya?

Kini terdapat lebih daripada 4 juta orang Bahai di seluruh dunia. Penduduk yang tidak kurang ramai juga telah disampaikan berita Bahai melalui penerbitan, filem-filem dan siaran-siaran Bahai yang mengembanakan keunggulan kesatuan dunia. Sambil lebih ramai lagi menyahut utusan Baha'ullah, komuniti Bahai telah berkembang dalam kebolehan untuk mengaplikasi dan mencuba prinsip-prinsip barunya. Komuniti ini sedang muncul dengan meluas sebagai satu model untuk menunjukkan kepraktisan dalam membina satu masyarakat sedunia yang berdasarkan keadilan sosial.